

08/03/1998

Kaji semula beku persaraan awal (HL)

Noorwati Salleh

KUANTAN: Kerajaan mengkaji semula keputusannya membekukan permohonan kakitangan awam untuk bersara awal mengikut skim persaraan pilihan, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Beliau berkata, keputusan mengenainya akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Abdul Halim Ali, tidak lama lagi.

"Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerima banyak permohonan daripada pegawai awam untuk bersara awal kerana pelbagai alasan, termasuk kesihatan, berehat dan menyertai bidang perniagaan.

"Kerajaan bersimpati dengan kakitangan terbabit. Lagi pun mereka mempunyai hak untuk membuat permohonan dan kita sukar menyekatnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Hidroponik untuk peserta PPRT di Tadika Teluk Baru, Tanjung Lumpur di sini, semalam.

Sebelum ini, pada 10 Disember lalu, Kabinet membuat keputusan menolak permohonan persaraan awal yang tidak mempunyai alasan kukuh.

Berikutan itu, Presiden Cuepacs, Abdul Aziz Mohd Sultan, meminta kerajaan menimbang semula keputusan itu kerana ia menjejaskan nasib pekerja yang terpaksa bersara disebabkan kesihatan atau pendidikan anak-anak.

Mengikut kajian Cuepacs, katanya, hampir tidak ada pekerja kerajaan yang mahu bersara awal kecuali sebab kesihatan atau mahu membiayai perbelanjaan pendidikan anak-anaknya.

Fauzi bagaimanapun berkata, kerajaan perlu memastikan kewangan negara tidak terjejas apabila kelonggaran itu diberi.

Menurutnya, kerajaan juga akan meneliti secara terperinci setiap permohonan pegawai awam yang hendak bersara awal sebelum meluluskannya.

Sementara itu, katanya, JPA mungkin memperluaskan waktu kerja berperingkat ke semua jabatan kerajaan di seluruh negara, apabila langkah percubaan yang dilaksanakan di Lembah Klang memberi kesan positif.

Keputusan untuk memperluaskan sistem itu di jabatan kerajaan yang berurusan dengan orang ramai di Lembah Klang dibuat minggu lalu selepas kajian mendapati sistem itu mendapat sambutan baik daripada orang ramai.

Waktu kerja berperingkat diperkenalkan pada Januari tahun lalu bagi membolehkan orang ramai mempunyai masa lebih panjang untuk berurusan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara serta Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Fauzi berkata, selain lima agensi terbabit, sistem yang sama wajar diperluaskan ke jabatan atau agensi kerajaan lain.

Katanya, pelaksanaan sistem itu di Lembah Klang akan dilaksanakan secepat mungkin dan dijangka membabitkan ratusan ribu pegawai dan kakitangan kerajaan.

"Bagaimanapun, waktu perkhidmatan dipendekkan sejam daripada 7.30 pagi hingga 6.30 petang kepada jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang kerana tempoh 5.30 petang hingga 6.30 tidak begitu popular di kalangan orang ramai.

"Walaupun waktu itu disingkatkan, kakitangan kerajaan masih boleh untuk memilih masa yang sesuai untuk ke pejabat jika mereka mempunyai urusan lain pada awal pagi," katanya.

(END)